

Jabatan Pendidikan Labuan Lancar Antologi Cerpen



Labuan- Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Labuan telah melancarkan Antologi Cerpen ‘Catatan Seorang Guru’ sempena sambutan Hari Guru peringkat Wilayah Persekutuan Labuan, baru-baru ini.

Antologi tersebut merupakan koleksi cerpen hasil karya 12 orang guru dan ahli Persatuan Penulis Wilayah Persekutuan Labuan (PERWILA).

Pengarah Pendidikan Labuan Raisin Saidin berkata, antologi cerpen itu mengenai tugas seorang guru dan bidang pendidikan.

“Penerbitan antologi cerpen itu merupakan salah satu usaha menyemarakkan budaya membaca dalam kalangan guru dan masyarakat Labuan,” katanya.

Raisin berharap menerusi cerpen berkenaan, warga pendidikan akan memberi semangat kepada anak didik mereka dan ibu bapa untuk membaca pelbagai bahan bacaan yang berfaedah.

Majlis pelancaran antilogi cerpen itu disempurnakan oleh Ahli Parlimen Labuan Datuk Rozman bin Haji Isli.